CERITA - CERITA BINATANG

(DONGENG IBAN)



biro kesusasteraan borneo

CERITA-CERITA BINATANG

(DONGENG IBAN)

Ilustrasi oleh

stanley peter libau
ahmad gobil

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
PERPUSTAKAAN
CAWANGAN SARAWAK

BIRO KESUSASTERAAN BORNEO

© BORNEO LITERATURE BUREAU, 1974
(Dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah)
Jalan Tun Haji Openg, Kuching, Sarawak,
Malaysia.

PERPUSTAKAAN DBP/SAR.
No. Kelas
No. Perolehan 10644
Tanggal F.T.

Dicetak oleh
VANGUARD PRESS SDN. BHD.
Kuching, SARAWAK.

KANDUNGANNYA

Muka Surat

Menuba Ikan 1

Menghirup Air Kolam 19

Mengukur berapa Jauhkah Langit 27

Di Dalam Lubang 33

Matinya Beruang 41

Buku ini ialah hasil terjemahan Encik Ahmad Latfi Adeng dari buku Iban bernama Pelanduk Seduai Tekura yang ditulis oleh Encik Dunstan Entinggi.

MENUBA IKAN

Borneo ialah sebuah pulau yang kedua besarnya di dunia ini. Pulau ini masih lagi dipenuhi dengan hutan-rimba yang kebanyakannya belum pernah dijelajahi oleh manusia. Di dalam hutan ini kita akan menemui binatang-binatang buas, burung-burung, ular dan beberapa jenis binatang yang lain.

Pada suatu hari, kononnya, sebilangan besar dari binatang liar itu telah membuat satu perjumpaan. Dalam perjumpaan itu, mereka telah memilih Badak sebagai Penghulu, kerana Badak ialah binatang yang terbesar sekali di dalam kumpulan itu.

Semua binatang yang hadir bersetuju dan menyokong penuh bila Badak telah dilantik menjadi ketuai mereka. Badak akan mengetuai mereka pergi menuba ikan.

"Kalau kamu semua telah setuju," mulai Badak, "eloklah kita tetapkan hari yang manakah kita akan mulai."

"Lebih baik kita mulakan lusa saja," cadang yang lain. "Tempatnya pula ialah di Sungai Kara."

Apabila tiba hari yang ditetapkan, semua binatang telah berkumpul di Pengkalan. Mereka semuanya membawa akar-akar tuba. Bila sudah cukup masanya, maka mereka pun masuklah ke dalam perahu dan terus berkayuh ke tempat yang dituju. Setelah petang baharulah mereka sampai. Di sana mereka membuat sebuah langkau untuk bermalam.

Pada keesokan paginya mereka pun mulalah menuba di sungai itu. Sehari-suntuk mereka sibuk menggumpul ikan-ikan yang separuh mati kena tuba. Banyak sungguh ikan yang diperolehi mereka Bila hari hampir petang baharulah mereka balik ke langkau mereka. Di sana mereka tidak tidur. Ikan-ikan yang mereka dapati itu semuanya disalai sepanjang malam itu juga.

Keesokan hari pula, iaitu sebelum matahari

keluar, mereka telah pergi menuba lagi. Kali ini semua mereka pergi. Yang tinggal ialah Rusa dan Babi. Mereka ditugaskan untuk menjaga ikan salai mereka pada hari itu.

Apabila menjelang tengahari, tiba-tiba mereka terdengar suatu bunyi yang sangat menakutkan. Bunyi itu datang dari hutan seolah-olah bunyi angin bertiup dengan kencang. Mereka lihat pokok-pokok terliuk-lintuk ke sana-sini, tetapi mereka tidak peduli. Mereka hanya menyangka mungkin hari hendak hujan. Bunyi yang kuat itu semakin dekat kedengaran. Di saat itu juga mereka pun mula terperanjat apabila mendengar suara orang berseru dengan hebatnya.

"Tuom Ketumba!
Emak Ragum tidak ada!
Telah pergi menuba di Sungai Kara!
Babi dan Rusa ada di sana!
Ikan salai sedap dimakan!
Aku tercium bau ikan salai!
Hum! Hum! Hum! Sedapnya!"

"Tuom Ketumba!
Emak Ragum tidak ada!
Babi dan Rusa ada di sana!
Yang kecil aku pukul,

Yang besar aku makan!
Aku tercium bau ikan salai!
Hum! Hum! Hum! Sedapnya!"

"Suara siapakah itu?" tanya Babi kecemasan.

"Aku pun tak tahu!" jawab Rusa mulai gelisah.

Di saat itu juga muncullah rupa yang amat hodoh dan mengerikan. Ya, itulah gergasi bernama Antu Raya yang tinggal berdekatan dengan hutan itu. Gergasi itu terus datang mendekati mereka. Sungguh besar gergasi itu, serta pula amat tinggi: lebih tinggi daripada pokok-pokok yang ada di dalam hutan itu. Telinganya besar seperti nyiru; matanya merah seperti api; kakinya seakan-akan tiang yang besar; dan giginya sebesar buah pisang.

Rusa dan Babi tidak membuang masa lagi. Merekapun melompat dari situ dan terus lari dengan sekuat-kuatnya menyelamatkan nyawa masing-masing.

"Sedikit lagi telingaku hilang," kata Si Babi dengan letih.

"Oh! Tandukku telah hilang," keluh Rusa sambil menangis.

Selepas Babi dan Rusa lari, Antu Raya itu mulalah makan ikan salai mereka dengan enaknya. Oleh kerana sedap rasanya, Antu Raya itu telah memakan semua ikan salai mereka itu dengan tidak meninggalkan seekor pun.

Setelah sudah dihabiskan semua ikan itu, Antu Raya itu pun pulanglah ke tempatnya. Setelah mengetahui Antu Raya itu telah pergi, Rusa dan Babi pun keluarlah dari tempat mereka bersembunyi itu. Mereka berdua sangat susah hati kerana melihat ikan salai mereka telah habis dimakan Antu Raya itu. Apabila hari mulai petang binatang-binatang yang lain pulanglah membawa hasil mereka hari itu. Rusa dan Babi menceritakan apa yang telah terjadi.

"Kami semua tidak berpuas hati dengan kamu berdua," kata Badak.

"Kamu berdua telah lalai menjalankan tugas kamu. Kamu berdua juga tidak mendapat bahagian apa yang telah kami perolehi pada hari ini."

"Itu memang benar," Rusa mengaku. "Kami takut maka sebab itulah kami tidak berani hendak memburu gergasi yang besar itu."

"Biar Nyumbuh dan aku berjaga pada esok hari," pinta Kera.

"Baiklah," sahut Nyumbuh. "Aku bersetuju denganmu."

Pada esoknya semua mereka telah pergi menuba lagi. Maka tinggallah Kera dan Nyumbuh menjaga ikan salai mereka pada hari itu. Tidak lama kemudian, Antu Raya pun datang lagi sambil berkata.

"Tuom Ketumba!
Emak Ragum telah pergi!
Telah pergi menuba ikan!
Nyumbuh dan Kera ada di sana!
Ikan salai dimakan mentah!
Aku tercium bau ikan salai!
Hum! Hum! Hum! Sedapnya!"

"Tuom Ketumba!
Emak Ragum tidak ada!
Yang pertama aku makan!
Yang terakhir aku pukul!
Aku tercium bau ikan salai!

Apabila Kera dan Nyumbuh melihat gergasi itu, mereka pun berasa takut.

"Antu Raya datang lagi!" teriak mereka, lalu terus lari memanjat sebatang pokok.

"Kerah!" sungut Kera.

"Berr," keluh Nyumbuh.

Antu Raya mendekati tempat itu lalu mulalah ia makan ikan salai mereka. Tidak berapa lama maka habislah ikan salai di atas para.

"Nyom! Nyom! Nyom!" bunyi Antu Raya mengunyah ikan salai. "Oh, nyamai! Sedapnya!"

Apabila hari petang kembalilah binatang-binatang itu seperti biasa. Bila melihat para mereka telah kosong mereka pun sangat susah hati. Mereka berbicaralah sesama sendiri:

"Puntan baka menasan jalai jelu
Labah baka buah merunjau ulu"

"Semua usaha kita telah menjadi sia-sia sahaja seperti kesan kita dalam hutan, samalah seperti buah merunjau jatuh ke hulu."

Pada keesokan harinya tak seekor binatang pun mahu menjadi jaga. Semuanya takut dengan Antu Raya.

"Biarlah aku menjadi jaga hari ini. Sebagai ketua yang gagah dan berani, aku tidak akan lari dari bahaya itu," kata Badak akhirnya.

Maka Badakpun tinggallah sebagai jaga pada hari itu. Tepat pada tenghari, Antu Raya pun datang lagi. Badak melihat pokok-pokok yang tinggi seperti ditiup angin yang kuat dan bunyinya seperti ribut hendak turun. Fikir Badak tentulah Antu Raya telah datang. Dia pun mulalah merasa takut. Mukanya menjadi pucat dan badannya menggeletar. Dengan tidak membuang masa lagi Badak pun meluru ke dalam hutan untuk bersembunyi. Antu Raya datang lalu berkata seperti biasa dan terus makan semua ikan salai. Setelah kenyang maka dia pulanglah ke hutan semula.

Binatang-binatang yang lain seperti biasa bila petang, mulalah kembali membawa tangkapan mereka pada hari itu. Tiba di langkau, mereka dapati para mereka kosong seperti hari yang sudah-sudah.

"Apa telah terjadi pada kau, pengulu?" sindir

mereka. "Kan kau telah menyatakan diri kau berani serta gagah pula! Sekarang semua ikan salai kita telah habis dimakan oleh Antu Raya jahanam itu."

"Aku tak tahu apa yang hendak kubuat! Antu Raya tersangat besar, lebih besar dari aku. Aku pun takut dan terus lari," jawab Badak kemalu-maluan.

"Kasihan pengulu kita," sindir pula Pelanduk.

Binatang itu semua berdukacita. Mereka sangka pengulu Badak dapat menolong mereka dari ancaman Antu Raya. Tapi sia-sia sahaja. Tidak seekor pun daripada mereka yang mahu menjadi jaga pada esoknya.

"Kalau kamu semua ini tidak mahu menjadi jaga, lebih baiklah kita pulang sahaja ke tempat kita," jelas Badak dengan hampanya.

"Kau telah gagal! Apakah yang harus kami buat?" Sahut yang lain dengan cepat.

"Ya, itu memang benar," sampuk Pelanduk pula, "kita mesti mendapat seorang penunggu."

"Biarlah Pelanduk dan aku menjadi jaga pada hari ini," pinta Tekura.

Mendengar cadangan itu, yang lain pun ketawa.

"Sedangkan Badak lagi lari, inikan pula kau berdua yang kecil, kasihan! Kau berdua akan dimakan oleh Antu Raya hidup-hidup nanti."

"Kami akan cuba dengan sedaya-upaya kami," jawab Pelanduk penuh yakin.

Bila semuanya telah selesai, maka mereka-pun pergi menuba lagi. Tinggallah Pelanduk dengan Tekura pada hari itu.

Setelah mereka pergi, Pelanduk dan Tekura-pun sibuk mengumpul rotan dan mengasah pasak yang dibuat daripada kayu. Pada tengaharinya, Antu Raya pun datang semula sambil berseru dengan hebat.

"Tuom Ketumba!
Pelanduk dan Tekura ada di sana!
Yang besar aku makan!
Yang kecil aku buang!
Aku tercium bau ikan salai!
Bolehkah aku merasanya, Uchu!"

Tetapi Pelanduk dan Tekura tidak lari seperti yang lain. Bahkan mereka sibuk dengan kerja mereka.

"Jemputlah Aki sebagai tetamu kami," tegur Pelanduk bila Antu Raya mendekati mereka.

"Silalah nenek duduk," pelawa Tekura.

"Aku tercium bau ikan salai. Aku sangat lapar," rayu Antu Raya.

"Cubalah nenek berihat dahulu," pinta Pelanduk.

"Kemudian itu kami akan hidangkan nenek dengan ikan salai," sambung pula Tekura sambil tangannya sibuk membelah rotan.

Di saat itu juga Antu Raya ternampak perbuatan mereka lalu bertanya.

"Apa guna itu, Uchu?"

"Kami telah mendapat tahu yang langit hendak runtuh. Tentu ia akan menimpa kepala nenek dahulu, kerana neneklah yang tinggi sekali," kata Pelanduk dengan hati-hati.

"Ya, itu benar," tambah Tekura. "Maka sebab itulah kami berdua sibuk membelah rotan-rotan ini untuk menyimpai kepala kami. Langit akan runtuh bila-bila masa saja."

"Oh! Aku rasa langit akan runtuh sekarang

juga," kata Antu Raya dengan ketakutan. "Oh, tolong simpaikan rotan itu juga di kepalaku. Lekas!" Dia merayu.

"Dapatkah Aki menahan kesakitan?" tanya mereka pura-pura.

"Itu tidak mengapa, Uchu. Asalkan ia dapat menahan kepalaku dari ditimpa langit."

"Baiklah, Aki. Baringlah di sini," suruh mereka.

Antu Raya pun berharinglah dengan menelungkup muka ke tanah. Pelanduk dan Tekura pun tidak berlingah lagi lalu terus mengikat tangan dan kakinya. Kemudian mereka mulalah melilitkan rotan di kepala gergasi itu. Selepas itu mereka meletakkan pasak tajam pada ubun-ubun kepala gergasi dan dipukulnya kuat.

"Aduh, sakit, Uchu! Sakit!" teriak Antu Raya.

"Bersabarlah, Aki. Pasak ini baharu sahaja menembusi simpai rotan di kepala nenek." Mereka memukul lagi dengan kuat hingga membuat Antu Raya menjerit kesakitan. Tidak lama kemudian, jeritannya tidak kedengaran lagi. Badannya yang meronta tadi menjadi kaku. Antu Raya sudah mati.



Badan Antu Raya itu sangat besar hingga melindungi bahagian hadapan langkau itu. Bulu roma pada badannya seperti rumput resam. Pelanduk dan Tekura menutup badan gergasi dengan rumput dan daun sehingga tidak kelihatan lagi. Dari jauh ia kelihatan seperti bukit.

Bila petang tiba, Pelanduk dan Tekura bersembunyi di tepi jalan dalam hutan itu. Di saat itu juga mereka terdengar bunyi bising menandakan kepulangan binatang-binatang yang lain. Bila sampai binatang-binatang itu hairan kerana langkau mereka tidak kelihatan, hanya sebuah bukit saja yang berada pada tempat langkau yang mereka buat tempoh hari.

"Apa telah terjadi pada langkau kita, Pelanduk dan juga Tekura?" tanya Babi dengan terharu. "Mereka tidak ada di sini."

"Mereka mungkin telah dimakan oleh Antu Raya," jawab Kera dengan hati yang berdebar-debar. Kemudian dia memanjat sebatang pokok. "Oh!" teriaknya dengan tiba-tiba, "itu bukan bukit, tapi Antu Raya.

"Cepat lari dan selamatkan nyawa kamu sendiri!" seru Badak.

Semua binatang yang ketakutan itu berlari tak tentu arah. Mereka sangka Antu Raya masih

hidup.

"Cangki-ingkook!" seru Tekura dari tempat persembunyiannya.

"Puut Suut-Suut!" balas Pelanduk.

"Apa kamu berdua buat di sini?" tanya Badak tergesa-gesa.

"Kami gembira kerana kamu beroleh banyak ikan hari ini," jawab Tekura sambil tersenyum.

"Kami semua sangka kau berdua telah dimakan oleh Antu Raya!" kata Babi.

"Tak semudah itu," jawab Pelanduk. "Anak ayam dalam kandang lagi dapat lari."

"Buat apa kau suruh Antu Raya keparat itu baring di hadapan langkau kita?" Rusa hendak tahu.

"Jangan takut," kata Tekura. "Dia sedang tidur dengan nyenyaknya. Mari kita kembali ke langkau kita."

Semua mereka yang ada di situ mengekori Pelanduk dan Tekura ke langkau mereka. Alangkah terperanjatnya mereka apabila melihat Antu Raya sudah mati. Lidahnya terjelir keluar panjang dari mulutnya serta pula berlumuran dengan darah.

"Bagaimana kau berdua dapat membunuh Antu Raya ini?" tanya Badak lega sedikit.

"Aku tarik sebelah kakinya dan Tekura pula tarik kakinya yang sebelah lagi," jawab Pelanduk dengan mengada-ngada. "Dia terjatuh dan aku terus tendang kepalanya dengan kaki aku yang halus ini."

"Kau berdua sungguh kuat dan berani," puji Gajah.

Pelanduk dan Tekura merasa megah dan gembira. Mereka tersenyum atas puji-pujian Gajah itu. Babi, Rusa, Kera dan Nyumbuh merasa tersangat malu. Sebelah malamnya semua binatang itu mulalah mengerjakan ikan-ikan yang didapati mereka untuk disalaikan. Pada keesokan harinya, merekapun bertanya kepada Badak bagaimanakah mereka hendak membahagikan ikan-ikan itu.

"Itu senang sahaja," jawab Badak. "Mit kelikit, besai kelikai."

"Apakah ertinya itu?" tanya Pelanduk.

"Maksudnya ialah, siapa yang besar sekali akan mendapat bahagian yang besar dan yang kecil pula akan menerima bahagian yang kecil," terang Badak. "Gajah dan aku akan mendapat bahagian yang terbesar sekali tapi kau dan Tekura akan

menerima bahagian yang terkecil sekali."

"Itu tidak adil!" tegas Pelanduk dan Tekura. "Kami berdualah yang membunuh Antu Raya. Maka ikan itu mestilah dibahagikan sama banyak."

"Tidak!" lawan Badak. "Perintah adalah perintah. Aku Pengulu kamu. Kau berdua tidak berkuasa menentang keputusanku ini!"

"Kami minta maaf, Pengulu," jelas kedua-duanya.

Setelah selesai membahagikan ikan-ikan tadi, maka merekapun kembalilah ke perahu mereka. Pelanduk duduk di buritan dan Tekura duduk di hadapan sekali. Hari itu sangat panas, membuatkan semua binatang di dalam perahu itu mengantuk dan langsung tertidur kecuali Pelanduk dan Tekura.

"Lebih baik kita berbuat sesuatu," cadang Pelanduk. "Kita ambilkan sisik-sisik ikan dan lekatkan pada mata mereka."

Tekura pun mulalah mengumpul sisik-sisik ikan yang besar dan dilekatkannya di mata mereka yang pejam itu. Oleh kerana tersangat letih mereka tidak sedarkan diri. Dengan tiba-tiba Tekura dan Pelanduk menjerit dengan sekuat-kuat hati. "Musuh datang! Mereka datang menuju

kita! Bangun! Terjun ke dalam air!"

Semua yang tidur itupun terkejut lalu terus terjun. Alangkah terkejutnya mereka kerana tidak dapat melihat. Ada yang berenang betul-betul menuju ke tepi pantai dan ada pula yang mati lemas dalam sungai itu. Pelanduk dan Tekura mula ketawa melihat kejadian itu dan terus berkayuh dari situ.

"Itulah balasan mereka!" kata kedua-duanya. "Mereka telah menipu kita sekarang kita pula menipu mereka."

MENGHIRUP AIR KOLAM

Beberapa hari selepas kisah itu berlaku, baharulah mereka tahu bahwa Pelanduk dan Tekura telah menipu mereka.

"Aku tidak sangka mereka berdua berbuat begitu," kata Badak dengan geram.

"Lebih baik kita bunuh mereka!" sungut yang lain dengan marah. Dan kesemua mereka bersetuju hendak membunuh Pelanduk dan Tekura.

Bila Pelanduk dan Tekura mendapat tahu akan rancangan mereka, maka kedua-duanya pun lari ke tempat lain untuk bersembunyi. Pelanduk bersembunyi di dalam rumpun-rumpun buluh, sementara Tekura terjun bersembunyi di dalam kolam.

Di sekekiling rumpun buluh tempat Pelanduk bersembunyi itu penuh dengan lumpur. Daun-daun kering yang berguguran di situ, ada yang jatuh berdiri tegak dan ada yang rebah bujur. Dalam

rumpun buluh itu berdirilah Pelanduk dengan tampan. Bila binatang-binatang yang marah serta geram itu ternampak Pelanduk mereka pun cuba mendekatinya. Tiba-tiba mereka terhenti kerana melihat daun-daun yang berdiri tegak itu. Mereka fikir Pelanduk telah memasang tukak (perangkap yang diperbuat daripada buluh yang tajam.)

"Mari dan bunuhlah aku kalau kau semua berani!" seru Pelanduk.

"Tidak, kami tidak bermaksud hendak membunuh kau. Kami mahu mencari Si Tekura keparat," sahut Badak agak runsing.

"Baiklah aku akan tunjukkan di mana Si Tekura itu bersembunyi," kata Pelanduk.

Tidak lama kemudian merekapun sampailah ke sebuah kolam. "Di sinilah tempat Tekura itu bersembunyi," tunjuk Pelanduk. "Sekarang terpulanglah kepada kau semua mencarinya."

Tidak seekor pun daripada mereka pandai menyelam. "Kita tidak ada jalan lain lagi," Badak berkata dengan tiba-tiba. "Kita mesti menghirup semua air yang ada dalam kolam ini."

Semua binatang itupun mulalah menghirup air kolam dengan tidak berhenti-henti. Tidak lama kemudian, air dalam kolam itupun hampir kering.

Mereka sekarang nampak Tekura berenang ke sana-sini dalam kolam itu.

"Tangkap dia!" Perintah Badak.

Tiba-tiba Pelanduk melompat dan menendang penyumbat dekat ekor Badak. Dengan serta-merta airpun keluar dari terbang itu dan memenuhkan air dalam kolam itu semula.

"Apa sebab kaubuat begitu?" tengking Badak dengan marah.

"Aku hendak terjun menangkap tekura tadi tapi kakiku terkena pada penyumbat itu," jelas Pelanduk dengan pura-pura.

"Jangan hiraukan perkara itu," sampuk yang lain. "Marilah kita hirupkan lagi air kolam ini."

Apabila saja Tekura kelihatan, Pelanduk pura-pura terjun dan sekali lagi kakinya terkena penyambut itu Badak. Kolam itupun penuh dengan air lagi seperti pada mulanya.

"Oh! Sial betul!" Sumpah Badak. "Kita tidak akan dapat menangkap Si Tekura itu dengan jalan ini. Marilah kita cuba cari siapa yang pandai menyelam."

Perbuatan mereka itu telah diperhatikan oleh



Menarat. Diapun keluar perlahan-lahan dari belukar, tempat dia memerhati tadi.

"Itu dia Menarat!" tegur Badak kegembiraan. "Dia pandai menyelam."

"Akupun tidak keberatan menolong kau semua," tegas Menarat dengan cepat.

Mereka bersetuju menyuruh Menarat menangkap Tekura, hidup atau matinya di dalam kolam itu. Menarat pun terjun terus menyelam serta membawa parang ilang di tangannya. Diapun segera menghampiri Tekura yang berada di perut kolam itu. Menarat tidak mahu menetak Tekura sebab dia tahu kulit Tekura sangat tebal lagi keras.

"Selamat datang, Punggal," sambut Tekura. "Apakah sebabnya kau membawa parang ilang?"

"Aku ke sini hendak membunuh kau," sahut Menarat dengan jelas.

"Untuk membunuh aku?" ulang Tekura terkejut. "Tapi aku tak pernah bergaduh dengan kau!"

"Binatang lain yang berada di atas sana menyuruh aku membunuh kau," jawab Menarat lagi.

"Lebih baik kita bicara dahulu tentang hal

ini," rayu Tekura. "Tidak ada ertinya kita bergaduh sesama sendiri. Kau juga tidak akan dapat membunuh aku. Kulitku terlalu keras dan tebal bagi parang ilang kau. Yang hendak membunuh aku ialah mereka itu. Jadi tidak gunanya kita bergaduh "

"Badak telah menyuruh aku membunuh kau," kata Menarat lagi.

"Di situlah kesalahan kau. Kalau kita bergaduh sama sendiri, mungkin kau atau aku akan mati. Binatang-binatang itu akan mentertawakan kita saja," jelas Tekura.

"Ya, itu memang benar," jawab Menarat, "tapi aku telah berjanji hendak membunuh kau. Jangan cuba hendak memujuk hatiku dengan kata-kata manismu itu. Aku mesti bawa kembali kepala kau kepada Badak."

"Biarlah aku bercerita pada kau dahulu," kata Tekura dengan lemah-lembut. "Semuanya kita ini datang dari satu keluarga yang di panggil Keluarga Binatang. Jadi kita ini semuanya adik-beradik. Kalau aku bunuh kau atau kau bunuh aku, maka kita telah membunuh salah seekor daripada keluarga kita."

"Ya, itu betul," sokong Menarat, "tapi Badak

tidak akan percayakan aku kalau aku menyatakan cerita kau ini kepadanya."

"Biarlah aku tunjukkan bagaimana kita akan selesaikan perkara ini," sambung Tekura lagi. Dia pun mengambil parang ilang Menarat lalu disapukannya dengan air sirih dari mulutnya. "Sekarang pulanglah kepada Badak dan katakan aku telah kaubunuh sambil menunjukkan parang ilang kau."

Bila Menarat sampai ke atas, semua mereka kelihatan gembira. Merekapun berkata. "Menarat ialah benar-benar pahlawan. Dia telah membunuh Tekura."

Kemudian setelah semua mereka beredar dari situ, Tekura pun keluar dari kolam. Dia berjalan perlahan-lahan menuju ke sebuah belukar. Dari sana dia telah ternampak Pelanduk yang sedang tidur dengan nyenyaknya di bawah sebatang pokok. Mulutnya ternganga lebar serta berbuih dan lalat-lalat yang berterbangan hinggap di badannya membuatkannya seperti mati. Tekura dengan terkoyong-koyong datang mendekatinya dan terus menendang perut Pelanduk itu. Pelanduk pun melompat dengan serta-merta.

"Oh! Kau rupanya Sambi! Aku sangka kau sudah mati," kata Pelanduk.

"Tidak, Menarat tidak apa-apakan aku. Aku telah menunjukkan cara bagaimana membuat Badak percayakan segalanya."

Kemudian mereka berdua pergi bersama ke hutan untuk mencari makanan.

MENGUKUR BERAPA JAUHKAH LANGIT

Pada suatu hari Penghulu Badak memanggil semua binatang dalam hutan untuk bermesyuarat lagi. Kali ini mereka berjumpa di Bukit Rabong.

Bila semuanya telah hadir di Bukit Rabong, Tuai Aum Badak pun mulai berbicara.

"Langit ialah yang tertinggi sekali di alam ini. Aku tidak tahu berapa tingginya. Jadi aku mahu kamu semua menyelidiki berapa tinggikah langit itu," katanya.

"Ya, itu adalah pendapat yang sangat baik, Tuai," sahut yang lain, "tapi siapa pula yang hendak naik ke langit?"

"Itu terpulanglah kepada kamu semua. Aku sendiri tidak dapat pergi kerana aku sangat berat lagipun tak pandai terbang pula. Adakah siapa di antara kamu mahu mencuba?" tanya Badak.

"Aku akan cuba," sahut Kenyalang, "tapi aku perlukan teman untuk pergi bersamaku."

"Ya, kau boleh pergi kerana kau pandai terbang," sahut mereka beramai.

"Tetapi siapakah yang akan pergi dengannya?" tanya Badak.

"Kami semua mahu pergi tetapi kami tidak ada sayap untuk terbang," jawab mereka lagi.

"Pasal tak ada sayap jangan disusahkan. Kita boleh pasangkan kemudiannya nanti," tegas Badak.

"Aku mahu pergi," kata Kera.

"Cubakan suarakau dahulu," kata Badak. "Biarlah kami semua dengar samada suarakau padan dengan suara Kenyalang."

"Enggang! Enggang!" bunyi Kenyalang.

"Kacik-Keraah!" pekik Kera.

"Oh, tidak!" potong yang lain. "Kau tidak sesuai pergi dengan Kenyalang."

"Biar aku pula cuba!" kata Pelanduk sambil melangkah ke hadapan.

"Enggang! Enggang!" Kenyalang berbunyi lagi.

"Puut! Puut! Suut! Suut!" sahut Pelanduk.

"Pelanduk pun tidak sesuai," pekik yang lain.

"Biar Beruang yang cuba pula," pinta yang lain.

Beruang duduk dengan diam-diam di hadapan mereka semua. Dia tidak mendengar apa yang telah dibincangkan oleh mereka tadi kerana pekak.

"Beruang!" teriak mereka. "Cuba kau pula!"

"Enggang! Enggang!" bunyi jeritan Kenyalang kedengaran lagi. Tetapi Beruang tidak mendengar apa-apa.

"Apa sebab kau tidak menyahut seruan Kenyalang?" tanya binatang-binatang yang lain.

"Ah! Apa katakau semua?" Beruang mahu tahu.

"Kami mahu kau menguji suaramu," pekik mereka.

Beruang mengeleng-gelengkan kepalanya sambil bertanya, "Adakah madu di langit itu? Aku lapar. Aku mahu makan madu," katanya.

"Kami bukannya hendak mencari madu. Kami hendak menyelidiki berapa jauhkah dari sini ke langit," teriak mereka dengan nyaring.

"Tidak, aku tidak mahu pergi kalau tak ada

10644

madu di langit," balas Beruang. Dia hanya ingatkan ada madu saja.

"Bodo!" mereka menyumpah Beruang.

Kemudian giliran tekura pula. "Enggang! Enggang!" Ulang Kenyalang.

"Changki-ingkook-liok! Changki-ingkook-liok!" sahut Tekura.

"Bagus! Syabas," puji Badak. Semua mereka yang ada di situ menepukkan tangan mereka dengan gembira. Mereka telah dapat mencari teman yang sesuai untuk pergi dengan Kenyalang. Selepas itu merekapun memasang sayap untuk Tekura yang diperbuat daripada upih pinang. Tekura membawa sebiji kelapa. Gunanya ialah untuk mengembun sayap supaya tidak kering oleh cahaya matahari. Akhirnya Kenyalang dan Tekura pun berlepas.

"Enggang! Enggang!" terdengar jeritan Kenyalang dengan gembira.

"Changki-ingkook-liok!" Changkingkook-liok!" turut Tekura.

Mereka terbang dengan sederhana lajunya. Tidak lama kemudian mereka telah berada tinggi di angkasa.

Tiba-tiba sayap Tekura telah kering dan menjadi kecil oleh sebab pancaran matahari yang begitu panas.

"Oh! Aku jatuh," teriak Tekura kepada Kenyalang. "Aku tak dapat terbang lagi."

Dia cepat-cepat membungkuskan dirinya dengan upih. Dia terus terjatuh di antara dahan pokok dan tidak dapat bergerak. Pokok tempat dia terjatuh itu ialah pokok sibau. Tekura terlihat buah-buahnya sedang masak.

Buah sibau yang masak itu semuanya merah-merah belaka. Binatang-binatang yang melintasi di bawah pokok itu semuanya bertanya kepada Tekura. "Apa yang kau buat di atas itu, Sambi?"

"Buah-buah ini semuanya dipunyai oleh Kenyalang. Dia telah menyuruh aku menjaganya," jawab Tekura.

Tidak seekor binatang pun yang berani mengambil buah-buah itu. Mereka semuanya takut kepada Tekura.

DI DALAM LUBANG

Pada satu hari dengan tidak disangka-sangka, Beruang ternampak Tekura di antara dahan sibau itu. "Haiya Sambi! Nama berita?" seru Beruang.

"Haiya Sambi! Nadai berita," sahut Tekura. "Buah-buah di pokok ini dipunyai oleh Kenyalang. Aku telah diperintah menjagakannya. Kaulihat buahnya semua masak."

"Biarlah aku petik sedikit buahnya," pinta Beruang.

"Tidak. Kau tidak seharusnya berbuat demikian," jawab Tekura dengan cepat. "Nanti Kenyalang akan marahkan aku."

"Aku tidak peduli," potong Beruang. "Aku akan panjat ke atas dan lemparkan kau ke bawah."

Beruang dengan segera memanjat pokok itu dan melemparkan Tekura ke bawah. Tekura jatuh dan masuk ke dalam lubang yang dalam. Beruang mulalah makan buah sibau itu dengan sekenyang-

kenyangnya. Sementara Tekura pula cuba hendak keluar dari lubang itu.

Semasa Tekura bertungkus-lumus hendak keluar, dia terjumpa kelapa yang di bawanya

terbang tempoh hari. Kerana sangat lapar lalu dimakannya kelapa itu.

Beberapa ketika kemudian, beberapa ekor binatang terpandang Tekura di dalam lubang yang dalam itu.

"Hoi Sambi! Apa yang kau buat di bawah sana?" mereka bertanya.

"Aku sedang mencari atau tanah," sahut Tekura pura-pura.

"Sedapkah rasanya bila dimakan, Sambi?" tanya mereka lagi.

"Sungguh sedap sekali!" jawab Tekura.

Mendengar itu, semua mereka yang berada di tepi lubang itupun terjun ke bawah. Di dalam lubang mereka mula mencari atau tanah. Mereka menggali dan terus menggali hingga lubang itu menjadi semakin dalam namun atau tanah tidak mereka jumpai. Telah bosan mencari, mereka pun hendak keluar tapi malangnya lubang itu terlalu dalam.

"Kita sekarang di dalam kesusahan," Badak memberitahu.

"Kita tidak dapat keluar dari sini," sambung

Babi pula.

"Cuba kita saling berjunjung di atas belakang" ikhtiar Badak," bermula dengan yang besar sekali dari bawah dan yang terkecil mesti di atas," katanya lagi.

Pelanduk dan Tekuralah yang terkecil sekali. Maka mereka berdualah yang di atas sekali dan terus melompat keluar.

"Sekarang kau berdua mesti buat tangga untuk kami keluar dari sini," perintah Badak.

"Baiklah," sahut mereka kedua lalu terus masuk ke dalam hutan.

Di tengah perjalanan menuju ke hutan, Pelanduk berkata kepada Tekura. "Aku fikir, lebih baik jangan dibuatkan tangga untuk Badak. Kau nampaknya sangat kurus dan lemah. Kau tentu lapar."

"Aku setuju dengan pendapatmu," jawab Tekura. "Marilah kita cari buah-buahan untuk dimakan."

Mereka yang di dalam lubang tadi ternanti-nanti akan kepulangan Pelanduk dan Tekura. Mereka menunggu hingga tengahari. Hingga menjelang petang binatang berdua itu masih belum

juga datang membawa tangga. Mereka sekarang semuanya lapar.

Badak bersama yang lain mulai gelisah. Tapi Pelanduk dan Tekura tidak juga kembali.

"Cis!" sumpah Badak. "Kita tidak seharusnya percayakan Pelanduk dan Tekura. Kita mesti cari jalan untuk keluar dari sini. Apa yang kita mesti buat ialah kita gali di sebelah ini untuk menimbus yang di sebelah sana supaya menjadi tinggi," sambungnya lagi. Tidak berapa lama lubang itupun semakin cetek dan akhirnya merekapun dapat keluar dari situ.

Dengan tidak berlengah-lengah lagi mereka pun mencari Pelanduk dan Tekura di dalam hutan yang berdekatan. "Kita mesti bunuh mereka," sungut Babi dengan marah.

Apabila mereka mendengar Badak dan kawannya hendak menangkap mereka, Pelanduk dan Tekura lari bersembunyi. Tekura melekatkan dirinya kepada unak dan Pelanduk bersembunyi di celah-celah batang belian. Tekura yang tergantung pada unak pura-pura mengeluh kesakitan; dan Pelanduk pula merepek-repek di celah batang belian.

"Itu dia Tekura keparat!" pekik Kera terus memanjat ke atas dan hendak menarik Tekura yang

tergantung.

"Jangan diapa-apakan dia," tegas Badak. "Dengar! Dia mengeluh kesakitan."

"Oh, tolong! Tolong! Matilah aku!" Keluh Tekura.

"Tarikkan rotan itu dengan perlahan dan hati-hati," perintah Badak, "dan bebaskan dia."

"Mujurlah kamu semua datang dengan segera, kalau tidak tentu aku mati tergantung pada pokok itu tadi," jelas Tekura. "Tatkala aku menarik rotan di atas sama unak itu melekat padaku."

Kemudian mereka mencari pula Pelanduk. Akhirnya, mereka terjumpa Pelanduk dengan mulutnya ternganga luas dan matanya tertutup rapat. Rusa dan Babi terus melompat hendak menggulingkan batang-batang belian di atas Pelanduk, "Hentikan itu semua," kata Badak. "Jangan bunuh dia. Lepaskan dia dari celah belian itu."

Mereka mengalih batang-batang belian yang menimpa Pelanduk. Kerja itu mengambil masa yang agak lama kerana batang belian agak berat.

"Akai-rai!" sedu Pelanduk. "Mujurlah kau semua datang menyelamatkan aku dengan segera,

kalau tidak ..... Aku baharu saja hendak menebang pokok itu apabila dengan tiba-tiba saja batang-batang belian ini mula berguling menimpa aku."

Binatang yang lain semua percaya bahwa Pelanduk dan Tekura benar-benar hendak menolong mereka. Mereka pun masing-masing pulang. Pelanduk dan Tekura berasa senang kini kerana boleh menipu binatang-binatang lain.

MATINYA BERUANG

Pada suatu hari Tekura telah berjumpa dengan Beruang. Mereka bersetuju hendak membina sebuah rumah panjang. Dalam beberapa hari sahaja rumahpanjang itu pun siaplah dibina. Setelah siap mereka pun pindah dan diam bersama. Tekura diam di sebelah dan Beruang tinggal di sebelah yang lain pula.

Pada suatu pagi Beruang terlihat Tekura pergi ke hutan. "Sambi, kau hendak pergi ke mana?" tanyanya.

"Aku hendak pergi ke hutan mencari makanan," sahut Tekura.

"Aku fikir lebih baik kita bertanam pisang di sekeliling rumah kita ini," cadang Beruang.

Tekura bersetuju. Maka mereka pun mengambil anak-anak pokok pisang lalu mereka tanam di belakang rumah panjang mereka. Tidak berapa lama pokok-pokok pisang itu besarlah. Tetapi Beruang tidak tahan menunggu hingga pisang itu

berbuah. Tiap-tiap hari dia memungut pucuk-pucuk pisang yang muda dan dimakannya. Sementara Tekura menjaga pokok-pokok pisangnya hinggalah buahnya besar.

Pada satu hari semasa Beruang duduk di hadapan rumah panjang mereka, dia terpandang pisang Tekura yang masih mengkal lagi. Dia sangat lapar. "Sambi," katanya, "Kalau pisangkau masak nanti, aku akan petik untuk kita."

"Tidak," bantah Tekura, "itu tidak boleh jadi. Pokok pisang itu aku yang punya. Aku sendiri akan petik buahnya nanti."

"Aku tak peduli," potong Beruang. "Aku akan petik. Aku pandai memanjat."

Hari berganti hari, Beruang duduk di bawah pokok pisang Tekura. Dia hendak mengambil buahnya tapi dia takut kepada Tekura. Dia duduk di sana sepanjang hari itu.

"Oi Sambi! Pisangkau sudah masak sekarang. Biarlah aku memetiknya."

"Tidak Sambi. Jangan buat begitu. Pisang itu aku yang punya," rayu Tekura.

Pada keesokan harinya semua pisang Tekura itu sudah masak. Beruang masih lagi duduk di

sana. Air liurnya mula keluar dari mulutnya. Dia tidak dapat menahan lagi. Dengan tiba-tiba dia memanjat dan terus memakan buah pisang Tekura. Dibuangnya semua umbang pisang ke bawah.

Bila Tekura melihat Beruang di atas pokok pisangnya, dia pun keluar serta berteriak. "Apa yang kau buat di atas sana, Sambi?"

"Usah nak kau tanyakan lagi. Aku sedang mengambil dan makan buah pisangkau," sahut Beruang.

Tekura pun menangis bila mendengar kata-kata Beruang lalu berkata tersedu-sedan, "Isi enda embui, umbang embuang (isi tidak diberinya, kulit dibuang)".

Tidak berapa lama kemudian semua pisang itu habis dimakan Beruang. Dimakannya pisang itu setandan demi setandan. Dia sangat gembira kerana perutnya sudah kenyang. Tekura sangat sedih. Beruang telah berlaku curang terhadapnya.

Pada suatu hari sewaktu mereka mencari buah-buahan di dalam hutan, Tekura telah mendapat satu akal. Dia terus memanjat sebatang pokok dan bergantung pada unaknya. Kemudian dia berseru, "Oh! Aku nampak Apai dan Indai di

sebayan (akhirat). Apai memakai baju burung, Indai memakai tanggui Seraung.

"Sungguh anih!" sampuk Beruang. "Bagaimana kaudapat melihat mereka di sebayan (akhirat)?"

"Itu dia mereka! Aku nampak mereka kerana aku berhayun di unak ini," jawab Tekura. Dia menghayunkan dirinya di unak tak berhenti-henti. Hayunannya kadang-kadang tinggi dan kadang-kala rendah.

Beruang duduk dengan diam-diam memerhatikan telatah Tekura. Akhirnya dia berkata, "Bolehkah aku cuba berhayun di unak itu Sambi?"

"Oh tidak! Kau tidak boleh memakai hayunanku," sahut Tekura. "Nanti Apai dan Indai aku akan lari kalau melihat kau."

"Tolonglah, biar aku cuba sekejap," ugut Beruang.

"Tidak!" Tegas Tekura menggeleng-gelengkan kepalanya. "Aku takut kalau kau terjatuh nanti."

"Kalau terjatuh apa boleh buat," jawab Beruang. "Aku mahu cuba ayunan kau."

"Baiklah, kalau kau kuat juga hendak mencuba, aku tak dapat melarang. Tapi jangan kau

menyalahkan aku kalau kau jatuh nanti."

Beruang memanjat. "Kau pegang ini dahulu. Aku akan pasangkan unak di belakang kau," kata Tekura. Diapun memasang unak ke dalam belakang Beruang.

"Nampakkah Apai dan Indai kau sekarang?" tanya Tekura.

"Belum lagi," Beruang menjawab.

"Tunggu sebentar," kata Tekura. "Aku akan tolak unak ini ke dalam lagi."

Diapun menolak unak masuk jauh ke dalam belakang Beruang serta bertanya lagi. Beruang tetap menyatakan bahwa dia belum nampak Apai dan Indainya.

"Oh, ya," Tekura pura-pura teringat. "Biar aku hayun kau bersama unak ini. Kemudian baharulah kau dapat melihat Apai dan Indai kau di sebayan (akhirat). Sudan sediakah kau?"

"Ya, aku sudah sedia," sahut Beruang.

Dia mula menolak Beruang. Dengan itu maka Beruang pun jatuh tersungkur ke tanah. "Nampakkah Apai dan Indai kau sekarang, Sambi?" tanya

Tekura lagi. Beruang sudah mati apabila terjatuh tadi. Oleh kerana itulah pertanyaan Tekura itu tidak dijawab. Apabila Tekura mengetahui bahwa Beruang telah mati, dia merasa kasihan sedikit. Tapi dia berpuas hati kerana Beruang telah mendapat balasannya. Dari hari itu tinggallah Tekura sendirian dalam rumah panjang itu hinggalah Pelanduk terjumpa dengannya lalu tinggal bersama.

"Kita akan bekerjasama dan akan hidup dalam rukun dan damai," kata Tekura.

HARGA M$0.80